

## TRANSISI KERJAYA DALAM MATA PELAJARAN VOKASIONAL KHAS UNTUK MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN DI MALAYSIA

<sup>a</sup>Noraini Abdullah  
<sup>b</sup>Noryani Md. Yusof PhD

<sup>a,b</sup>*Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Jalan Tun Fatimah Durian Daun, 75400,  
Melaka, Malaysia*

<sup>a</sup>[noraini\\_abdullah@ipgkpm.edu.my](mailto:noraini_abdullah@ipgkpm.edu.my)  
<sup>b</sup>[noryani@ipgkpm.edu.my](mailto:noryani@ipgkpm.edu.my)

**Abstrak:** Kesukaran golongan berkeperluan khas khususnya murid bermasalah pembelajaran (MBP) untuk mendapatkan pekerjaan merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian serius. Hal ini disebabkan ketidakupayaan mereka serta kekurangan kemahiran yang selari dengan kehendak majikan. Justeru, transisi kerjaya dalam Mata Pelajaran Vokasional Khas (MPV Khas) diperkenalkan untuk MBP kerana golongan ini kurang mampu untuk menguasai bidang akademik tetapi mereka mempunyai keupayaan fizikal yang boleh digunakan dalam pekerjaan tertentu. Kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan transisi kerjaya dalam Mata Pelajaran Vokasional Khas (MPV Khas) untuk murid bermasalah pembelajaran (MBP) di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes dan kaedah pengumpulan data melalui temu bual dan pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan melibatkan empat orang guru di empat buah sekolah menengah di Program Pendidikan Khas Integrasi. Data-data dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 7.1.8. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru telah melaksanakan transisi kerjaya untuk MBP dalam MPV Khas di PPKI sebagai persediaan ke alam kerjaya. Bidang-bidang kemahiran yang diajar ialah pertanian, masakan, jahitan dan perkhidmatan. Namun begitu, terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan transisi kerjaya dalam MPV Khas untuk MBP. Cabaran-cabaran tersebut ialah dari aspek kurikulum MPV Khas yang perlu diubahsuai mengikut ketidakupayaan murid, guru-guru kekurangan pengetahuan dan kemahiran, sikap murid dan persepsi negatif majikan terhadap MBP. Diharapkan kajian ini dapat memberi input kepada masyarakat luar tentang kemahiran-kemahiran yang diajar kepada MBP dalam MPV Khas sebagai persediaan ke alam kerjaya selepas mereka meninggalkan alam persekolahan. Selain itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti segala permasalahan dalam melaksanakan transisi kerjaya dalam MPV Khas untuk MBP di PPKI supaya kemahiran-kemahiran yang diajar kepada murid bermasalah pembelajaran selari dengan kebolehan mereka serta memenuhi kehendak majikan.

**Kata Kunci:** Transisi Kerjaya, Mata Pelajaran Vokasional Khas, Murid Bermasalah Pembelajaran

### PENDAHULUAN

IDEA (2004) mendefinisikan transisi kerjaya sebagai satu set aktiviti yang dikoordinasikan untuk MBK yang dibentuk dalam proses berorientasikan hasil atau kesan bagi membolehkan murid-murid bergerak atau beralih dari alam persekolahan ke alam selepas sekolah. Aktiviti-aktiviti dalam transisi

kerjaya termasuklah pendidikan selepas sekolah menengah, latihan vokasional, pekerjaan, perkhidmatan kemasyarakatan, latihan hidup berdikari dan sebagainya. Transisi kerjaya dalam konteks kajian ini adalah satu gabungan aktiviti untuk murid melalui hasil dapatan daripada orientasi yang membentuk pergerakan dari sekolah ke aktiviti

selepas tamat sekolah (William-Diehm & Lynch 2007). Sehubungan dengan itu, transisi kerjaya untuk MBP merupakan gabungan aktiviti berdasarkan keperluan murid secara individu dengan mengambil kira pilihan dan minat murid (Followay, Patton & Serna 2001).

Di Malaysia, perundangan dan peraturan tentang transisi kerjaya tidak dinyatakan dengan jelas. Namun begitu, kebanyakan sekolah di PPKI telah melaksanakan transisi kerjaya atas inisiatif penyelaras program masing-masing (Ab. Rahman Hamdan 2003). Perkara ini boleh dilaksanakan atas dasar guru-guru boleh membuat pengubahsuai jika diperlukan sebagaimana yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996; Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013). Dalam peruntukan peraturan itu, transisi kerjaya boleh dilaksanakan jika ia dilihat sebagai satu bentuk ubahsuai yang perlu dijalankan (Ab. Rahman Hamdan 2003). Menurut Bowe (2003); Landmark et al. (2010); Test, D. W., Mazzotti, V. L., Mustian, A.L., Fowler, C.H., Kortering, L.J., & Kohler, P.H. (2009) salah satu aspek dalam amalan terbaik pelaksanaan transisi kerjaya adalah melalui kurikulum berdasarkan pendidikan vokasional.

Kepentingan pelaksanaan pendidikan vokasional untuk MBP tidak dapat dinafikan lagi dalam membantu menyiapkan diri dan bersedia ke arah melangkah ke dunia pekerjaan setelah tamat persekolahan (Maslinda Daros, Mohd Safarin Nordin & Muhammad Sukri Saud (2012); Paul 2011 & Jones dan Williams 2011). Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) menyatakan golongan ini lebih sesuai menggunakan kurikulum pendidikan vokasional berbanding dengan kurikulum akademik yang sedia ada. Walau pun MBK khususnya MBP kurang mampu untuk menguasai bidang akademik, namun mereka mempunyai keupayaan fizikal yang boleh dilatih melalui pendidikan vokasional supaya dapat digunakan dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu (Maslinda et al. 2012). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendekatan berkesan dalam menyediakan MBK untuk bekerja adalah melalui pendidikan berbentuk kemahiran vokasional (Ramlee Mustapa & Norani Salleh 2007). Kajian oleh Ofoegbu dan Azarmsa (2010) mendapat kemampuan bekerja bekas murid vokasional lebih baik berbanding dengan individu yang tidak mempunyai latihan. Hal ini disebabkan latihan vokasional yang diterima di sekolah dapat menyediakan murid dengan kemahiran berguna dalam menyelesaikan masalah sewaktu bekerja.

#### **Pernyataan masalah**

Kesukaran golongan berkeperluan khas terutama murid MBP untuk mendapatkan pekerjaan

merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian serius (Noraini et al, 2015). Ini adalah kerana peluang pekerjaan tidak terjamin untuk golongan berkeperluan khas walaupun mereka diberi peluang pendidikan yang sama (Mohd. Sofi et al, 2010). Perkara utama yang mereka harus hadapi adalah persaingan yang meliputi peluang pekerjaan, kemahiran yang diperlukan ditambah pula dengan keupayaan dan kemampuan fizikal yang kurang, pandangan masyarakat (Maslinda et al, 2012) serta kekurangan kemahiran yang selari dengan kehendak majikan (Noraini et al, 2015).

Berdasarkan statistik, didapati jumlah OKU yang berdaftar sehingga Disember 2015 ialah seramai 566,385 orang dan jumlah OKU yang diterima bekerja hanya seramai 3,386 orang (0.10%). Daripada jumlah tersebut, kategori ketidakupayaan yang paling ramai berdaftar ialah masalah pembelajaran iaitu 198,025 orang (35%). Namun, hanya 19 orang (0.10%) sahaja OKU kategori ketidakupayaan masalah pembelajaran yang diterima bekerja di sektor awam (Kementerian Sumber Manusia 2016). Hal ini menunjukkan peruntukan 1% untuk golongan OKU bekerja di sektor awam masih belum tercapai sedangkan mereka merupakan sebahagian daripada aset penting yang dimiliki oleh negara yang seharusnya diurus dengan baik dan berkesan bagi memastikan golongan tersebut dapat turut menyumbang ke arah pembangunan negara (Ramlee & Norani 2007).

Kajian terdahulu menunjukkan kurikulum semasa MBP peringkat menengah di PPKI mempunyai banyak kelemahan kerana tidak menjurus ke arah menyediakan murid dengan kemahiran vokasional (Maslinda et al, 2012; Zainudin et al, 2009) dan kemahiran generik yang merupakan kemahiran yang penting untuk bekerja (Mohd Sofi et al, 2010). Selain itu, MBP di PPKI didapati kurang mempunyai kemahiran kebolehgajian (Siti Suhaila et al, 2013). Di samping itu, kemahiran kebolehgajian yang diperolehi oleh MBP di PPKI belum tentu dapat memenuhi kehendak majikan sepenuhnya (Anizam et al., 2013). Pendidikan vokasional yang didedahkan kepada MBP di PPKI kadangkala tidak dapat memenuhi keperluan mereka dari segi minat, kebolehan intelek, tidak memenuhi penawaran guna tenaga dan ditambah pula dengan tahap komunikasi dan sosial yang rendah (Zainudin et al., 2009). Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan transisi kerjaya dalam MPV Khas MBP di PPKI di Malaysia.

#### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kajian kes

merupakan aspek penyelidikan secara mendalam melalui pengumpulan data yang dapat memberi penjelasan sesuatu fenomena. Data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran bagi meneroka pelaksanaan program transisi kerjaya dalam MPV Khas MBP di Malaysia. Kajian ini melibatkan enam orang guru yang mengajar pendidikan vokasional di empat buah sekolah menengah terpilih di PPKI di empat buah negeri iaitu Johor, Melaka, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Pemilihan peserta kajian berdasarkan persampelan bertujuan yang merangkumi keperluan memenuhi persoalan kajian, bersedia untuk bekerjasama, ditemu bual dan dapat memberi maklumat yang banyak serta mendalam berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Data dan maklumat yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 7.1.8 untuk menghasilkan tema bagi menjawab persoalan kajian.

### Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian adalah berdasarkan tema-tema yang terhasil bagi menjawab persoalan kajian iaitu untuk meneroka transisi kerjaya dalam MPV Khas untuk MBP di Malaysia. Hasil kajian mendapati transisi kerjaya telah dilaksanakan oleh guru-guru dalam MPV Khas untuk MBP melalui MPV Khas, projek keusahawanan, latihan praktikal dan lawatan dari pihak luar.

### MPV Khas

Transisi kerjaya dalam MPV Khas merujuk kepada pelaksanaan komponen MPV Khas pertanian, masakan, jahitan dan perkhidmatan untuk MBP di PPKI. Melalui MPV Khas pertanian yang dilaksanakan di sekolah A, MBP diajar menanam pelbagai jenis tanaman makanan seperti pisang, ubi kayu, limau kasturi, serai, cili dan durian belanda. Pada setiap tahun sekolah A akan melaksanakan komponen pertanian yang berbeza seperti yang dinyatakan oleh GI:

*“.. setiap tahun kita ikut komponen mana yang kita nak fokus, macam tahun ni kita buat cili fertigasi, kat sini pun dah ada peralatan untuk tanam cili fertigasi”*

Sekolah A turut melaksanakan projek tanaman sawah yang diusahakan bersama penduduk kampung bagi menyediakan MBP dengan kemahiran dalam bidang pertanian. Selain itu, sekolah A turut melaksanakan projek membela ikan dan ayam. MBP diberi pendedahan bagaimana cara-cara memelihara ayam pada peringkat awal sehingga ayam tersebut boleh dijual. Melalui temu bual pengkaji dengan G1, beliau menjelaskan:

*“... kita ada buat projek sawah, kolaborasi dengan penduduk kampung... kita nak murid kita tau macam mana nak bersawah.. macam mana nak tanam padi” (G1)*

*“... ayam-ayam ni dibela sejak kecil lagi. Murid-murid diajar cara-cara membela ayam, cara memberi ayam makan, cara membersihkan reban” (G1)..*

Sementara itu, dalam MPV Khas masakan yang dilaksanakan di sekolah B, MBP diajar pelbagai masakan seperti roti, pizza, kuih-muih, lauk-pauk sebagai persediaan ke alam kerjaya. Roti, pizza, muffin mendapat permintaan yang tinggi daripada warga sekolah seperti dinyatakan oleh G2:

*“saya masukkan modul roti sebab roti, pizza, muffin ni kita boleh pasar.. jadi permintaannya banyak” (G2)*

Selain memasak, MBP diajar cara-cara membuat peranggu meja iaitu menyiapkan meja makan yang lengkap menggunakan alatan menghidang seperti pinggan, cawan, sudu, garfu serta alas meja yang disusun dengan cara yang betul. Di sekolah B terdapat sebuah bengkel masakan dan cafeteria bagi menyediakan MBP ke arah transisi kerjaya seperti yang dinyatakan oleh G2 dalam petikan berikut:

*“Di sini ada kelas kafeteria. Lepas dia orang masak.. dia orang akan hidang di sini.. so dia orang akan belajar macam mana dia orang nak serve” (G2)*

Sekolah C merupakan sekolah yang melaksanakan MPV Khas jahitan. Antara aktiviti-aktiviti jahitan yang dijalankan ialah menjahit cadar, sarung bantal, sarung bakul sampah, apron, langsir dan sarung tangan ketuhar. Walaupun pada peringkat permulaan, memang agak sukar untuk melatih MBP mempelajari jahitan terutama untuk menggunakan mesin jahit elektrik dan mesin jahit tepi. Tetapi melalui latihan yang berterusan, akhirnya mereka dapat menguasai kemahiran jahitan tersebut. G3 menyatakan:

*“Macam langsirkan.. jahit lurus tak ada masalah. Kalau ada paten lain, kena ambil masa dan perlu bimbingan guru. Kalau jahit artikel-artikel macam uncang, artikel yang simple, sarung tangan, alas periuk itu tak ada masalah bagi mereka la” (G3)*

Bidang jahitan merupakan bidang yang boleh menjana pendapatan, oleh itu, Guru C sentiasa mengingatkan MBP tentang kepentingan mereka mempelajari jahitan. Hal ini dijelaskan oleh G3:

*“Ok, kita buat sesuatu ni dia ada nilai tak. Contoh macam buat sarung bakul sampah boleh jual tak. Kalau boleh jual boleh kita boleh dapat duitkan, boleh bukak kedai untuk jahit, macam itu la kena terap kat murid kita, so*

*dia tahu dapat duit boleh guna untuk menyara hidup diri sendiri” (G3)*

MPV Khas perkhidmatan dilaksanakan di sekolah D ialah mencuci kereta, dandanan dan solekan serta mendobi. Sekolah D dilengkapi dengan bengkel mencuci kereta, bilik dandanan dan solekan serta bilik mendobi. Bagi kemahiran mendobi, MBP diajar cara-cara mencuci kereta dan menggunakan peralatan mencuci kereta dengan cara yang betul. Hasil kajian menunjukkan G4 telah menghasilkan sendiri modul mencuci kereta untuk digunakan oleh murid-muridnya. Sementara itu, MBP diajar kemahiran solekan dan dandanan supaya mereka mempunyai kemahiran untuk bekerja. Hal ini dinyatakan oleh G4 dan G6:

*“Kita dah ada bengkel cuci kereta, jadi mana murid yang kurang mampu dari segi akademik, kita ajar dia cara-cara nak cuci kereta” (G4)*

*“... kita bagi yang basic la macam pengkhususan rambut ke, muka ke, dan solekan. At least dia tau la tentang bidang solekan dan dandanan” (G6)*

Bagi MPV Khas mendobi, MBP diajar cara-cara mendobi menggunakan basuhan tangan, mesin basuh manual dan juga mesin basuh automatik. Mereka diajar dari peringkat atas lagi seperti mengenali peralatan dan bahan-bahan untuk membasuh, cara mengasingkan pakaian yang hendak dicuci, cara menggunakan peralatan untuk basuhan tangan, mesin manual dan mesin automatik, menyidai kain, menjemur kain, mengangkat kain, melipat kain dan seterusnya menyeterika pakaian. Kemahiran mendobi yang diajar kepada MBP di sekolah D setidak-tidaknya menyediakan mereka dengan kemahiran untuk bekerja. Hal ini disokong oleh G5:

*“budak-budak ni perlu didedahkan dengan kemahiran untuk mendobi, akademik mereka tak tinggi mana pun, jadi kemahiran mendobi ni.. mereka dapat kemahiran maksudnya kemahiran untuk bekerja” (G5)*

### **Projek Keusahawanan**

Projek keusahawanan merupakan projek yang dijalankan di sekolah-sekolah terlibat bagi memberi persediaan pengalaman kerjaya kepada MBP. Projek keusahawanan yang dilaksanakan ialah melalui projek jualan. Di sekolah A, hasil tanaman yang dijual ialah cili, pisang, serai dan lain-lain tanaman sayur-sayuran dijual kepada guru-guru dan kakitangan sekolah untuk memupuk sikap keusahawanan dalam diri MBP. MBP juga turut diajar cara-cara merekodkan hasil jualan supaya mereka dapat memahami bagaimana urusan jual beli dilakukan seperti yang dinyatakan oleh G1:

*“Jual dengan cikgu-cikgu, maksudnya kita ajar murid-murid ni dari segi konsep usahawan tu secara kecil-kecilan di dalam sekolah” (G1)*

*“Masa tu pun kita orang galakan dia orang menjual, rekod jualan mereka berapa semua.. dia tahu aktiviti jual beli macam mana” (G1)*

Projek jualan juga dilaksanakan di sekolah B. Selain memasak, MBP di sekolah ini, diajar cara menjual hasil masakan mereka. Menurut G2, pizza dan pelbagai jenis roti akan dijual pada setiap hari di samping pelbagai makanan lain seperti kuih cara berlauk, cucur udang, ayam madu untuk dijual kepada guru-guru dan juga murid-murid di sekolah tersebut. Hal ini dinyatakan oleh G2:

*“... saya ajar masak, saya akan buat jualan sebab tak guna kita masak untuk makan sahaja. Kita kena produce keluar jadi saya menyediakan masak, saya terus buat projek jualan ...” (G2)*

Sementara itu di sekolah C, aktiviti jualan biasanya diadakan semasa hari kokurikulum. Menurut G3, MBP akan dilatih untuk menjual hasil jahitan mereka pada hari tersebut. Melalui aktiviti jualan secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap keyakinan diri dalam diri MBP. Selain itu, sekolah C banyak menerima tempahan cadar dan langsir daripada guru-guru sekolah tersebut. Guru-guru akan membawa sendiri kain untuk dijahit atau mereka terus membuat tempahan berdasarkan kain-kain yang telah disediakan di bengkel jahitan. Hasil-hasil jahitan akan dipamerkan kemudian dijual untuk melatih MBP berniaga. Hal ini dinyatakan oleh G3:

*“...lepas siap jahit, kita latih dia jual masa hari koko. Tapi cikgu kena pantau la, kita tengok-tengok dia saja, jadi dia dapat buang rasa malu dan dapat berinteraksi dengan orang lain” (G3)*

*“... kalau mereka nak tempah, kita terima saja, tapi kita control la sebab MBP ni, emosi mereka sentiasa berubah-ubah” (G3)*

*“...lepas dia menjahit, kita ada buat pameran la. Lepas pameran kita ada buat jualan untuk melatih dia macam mana.. business la” (G3)*

### **Latihan Praktikal di Luar Sekolah**

Transisi kerjaya MBP juga dilaksanakan melalui latihan praktikal bersama majikan. Latihan praktikal ini bertujuan untuk mendedahkan MBP dengan latihan pekerjaan yang sebenar. Latihan praktikal di sekolah A dilaksanakan di nurseri-nurseri, ladang ternakan, bertujuan untuk mendedahkan MBP dengan aktiviti-aktiviti pekerjaan yang sebenar. Hal ini dijelaskan oleh G1:

“...kita bawa dia praktikal di nurseri-nurseri supaya dia tahu sebenarnya apa yang realiti dalam kehidupan sehari-hari dia akan berlaku selepas sekolah nanti jadi macam mana nak jaga bunga, siram nak kahwinkan dia jenis-jenis bunga yang orang mintak” (G1)

Latihan praktikal juga dilaksanakan di sekolah B iaitu dengan menghantar MBP di kedai-kedai makan berdekatan bagi memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman sebenar dunia pekerjaan. Perkara ini dinyatakan oleh (G2):

“.. kita ada hantar budak buat praktikal di kedai makan supaya dia orang tau macam mana nak ambik order, nak layan tetamu dan sebagainya”.

Bagi sekolah C, latihan praktikal dilaksanakan dengan menghantar MBP yang berkebolehan untuk menjalani latihan di kedai jahit terpilih. Melalui latihan praktikal ini, MBP dapat mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari dalam situasi yang sebenar. Hal ini disokong oleh G3:

“Saya ada hantar murid yang boleh la.. hantar dia kat kedai jahit, so dia belajar kat situ la.. macam ukur.. potong kain dan jahit kain.. mereka boleh la nak apply apa yang mereka belajar kat sekolah” (G3)

Berbeza dengan sekolah D, MBP di sekolah ini tidak dihantar untuk menjalani latihan praktikal di luar sekolah disebabkan ketidakupayaan yang mereka hadapi. Hal ini dijelaskan oleh G4:

“.. dulu memang kita pernah buat, tetapi sekarang kita dah tak hantar murid keluar.. selain tahap akademik yang rendah.. mereka juga mempunyai masalah dari aspek tingkah laku dan emosi.. macam mudah rasa bosan, sukar bergaul dengan orang” (G4)

### **Lawatan dari Pihak Luar**

Melalui lawatan daripada pihak luar dapat menyediakan MBP ke arah transisi kerjaya di PPKI. MBP diberi peluang untuk menunjukkan kemahiran yang telah mereka pelajari di sekolah kepada tetamu-tetamu yang hadir. Sementara itu, G2 turut menyatakan banyak lawatan yang diterima daripada pihak luar ke sekolah beliau untuk melihat sendiri apa yang dilakukan oleh MBP di kelas MPV Khas masakan. Kebanyakan daripada tetamu yang datang ke sekolah B tidak menyangka bahawa murid-murid pendidikan khas boleh menghasilkan piza yang begitu sedap sekali seperti yang dinyatakan oleh G2:

“...dari segi lawatan memang ramai yang datang, jadi daripada lawatan dia orang yang datang sini. Jadi dia orang tahu kita buat apa, produce di mana”.

“...dia orang cakap tak sangka cikgu ya dia kata budak pendidikan khas boleh buat, memang dia orang buat sendiri...”.

Selain itu, melalui lawatan dari pihak luar, MBP berpeluang menunjukkan kebolehan mereka kepada tetamu yang datang melawat ke sekolah tersebut. Bagi MBP yang sudah menguasai kemahiran jahitan, mereka akan menunjukkan cara-cara menjahit kepada para tetamu. Hal ini dijelaskan oleh G3:

“..kalau ada tetamu atau kalau ada cikgu nak buat lawatan kan dia memang jahitkan. Ok, kita kasi dia time, awak jahit apa sarung bantal, jahit sarung tangan dia jahit. Kemudian dia akan apply la semua dia punya ilmu la”.

Dalam hal ini, MBP dapat meningkatkan keyakinan diri untuk berinteraksi dengan ramai seperti melayan pelanggan dengan penuh sopan santun, bercakap dengan menggunakan bahasa yang sopan serta berupaya mempromosikan produk yang mereka hasilkan.

### **Cabarannya dalam Melaksanakan Transisi Kerjaya dalam MPV Khas MBP**

Terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan transisi kerjaya dalam MPV Khas MBP iaitu Kurikulum MPV Khas, guru kurang pengetahuan serta kemahiran, sikap murid dan sikap majikan.

### **Kurikulum MPV Khas**

Hasil kajian mendapat kesemua guru menggunakan Huraian Sukatan Pelajaran yang disediakan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengajar MPV Khas. Walau bagaimana pun, terdapat guru-guru yang terpaksa mengubahsuai Huraian Sukatan Pelajaran mengikut kesesuaian dan keupayaan murid disebabkan MBP mempunyai pelbagai kategori kecacatan. Guru-guru terpaksa mencari alternatif lain seperti mengadakan bengkel-bengkel kemahiran peringkat daerah, mengubahsuai pendidikan vokasional dari kurikulum pelajar normal serta mendapatkan maklumat tambahan melalui internet.

“...saya ajar saya tak ikut sepenuhnya cuma... saya tengok tahap budak tu macam mana, saya sesuaikan dengan keupayaan mereka, macam saya adjust la sikit...ikut yang vokasional normal punya...” (G1)

“... sukatan tu kalau ikutkan aa... yang mula-mula tu ok tapi yang atas tu memang tak boleh ikut sebab tinggi. kita modifikasi ikut kesesuaian pelajar sebab yang dia bagi tu untuk sekolah Vokasional Indahpura sebab mereka dah terpilihkan jadi kita ubah suai la...”(G6)

### **Guru Kurang Pengetahuan dan Kemahiran**

Dapatan kajian menunjukkan, kebanyakan guru-guru yang mengajar MPV Khas kurang berpengetahuan serta kurang berkemahiran dalam bidang yang diajar disebabkan mereka bukan daripada opsyen pendidikan khas atau opsyen pendidikan teknik dan vokasional. Kursus-kursus untuk meningkatkan kemahiran guru dalam pendidikan vokasional juga jarang diadakan. Kebanyakan guru mengajar pendidikan vokasional berdasarkan pengalaman sendiri dan juga menggunakan inisiatif sendiri untuk menghadiri kursus-kursus kemahiran.

*“... saya langsung tidak ada kemahiran, saya belajar sendiri macam pergi kursus, daripada pembacaan, serve internet, belajar dengan orang lain...”(G5)*

*“... kebetulan saya memang ada kebolehan untuk menjahit, jadi saya guna la kepakaran saya untuk mengajar macam mana nak jahit, macam mana nak control mesin, macam mana nak repair mesin...”(G3)*

### Sikap murid

Pelajar bermasalah pembelajaran terdiri daripada pelbagai ketidakupayaan, hal ini membataskan mereka untuk menjalani latihan vokasional yang diajar di sekolah-sekolah. Sikap malas, cepat putus asa, mudah bosan, suka ponteng dan masalah emosi menyukarkan guru-guru mengajar murid bermasalah pembelajaran.

*“... sikap murid ni mudah putus asa, kadang-kadang kami hantar mereka bekerja, kadang-kadang mereka boleh tahan selama beberapa minggu, kadang-kadang masalah ponteng, mudah bosan. Kadang-kadang murid ni dia tak boleh nak bekerja sendiri, dia harapkan kawan...”(G1)*

*“... murid pendidikan khas ni dia ada sikap rendah diri, susah bergaul dengan orang lain, tak boleh ditegur, jadi sikap mereka ni yang perlu diubah....”(G2)*

### Sikap majikan

Guru-guru menyatakan mereka sukar untuk menghantar murid-murid menjalani latihan di luar sekolah disebabkan beberapa perkara seperti majikan tidak berminat untuk mengambil murid bermasalah pembelajaran menjalani latihan di tempat mereka. Majikan kurang yakin dengan murid-murid tersebut disebabkan ketidakupayaan yang dimiliki oleh mereka.

*“...ada majikan yang kurang percaya dengan murid pendidikan khas sebab bila saya tanya, terima tak murid bermasalah pembelajaran, dia kata.. bukan apa cikgu, saya dah pernah terima tapi budak ni*

*masalah komunikasi dengan pelanggan dia tak boleh, dia panik...”(G2)*

*“... saya pernah bawa budak buat praktikal kat kedai dobi, bila cikgu ada bersama dia boleh buat, tapi bila cikgu dah balik, dia langsung tak boleh nak buat apa-apa, dia nak cikgu sentiasa berada bersama.. mana boleh macam tu...”(G3)*

### Perbincangan

Hasil kajian mendapati bahawa guru-guru telah melaksanakan transisi ke kerjaya dalam MPV Khas untuk MBP bagi membantu mereka sebagai persediaan untuk bekerja selepas mereka meninggalkan alam persekolahan. Sekolah yang menyediakan pengalaman kerjaya, persediaan kerjaya, penglibatan dalam pendidikan vokasional dan penglibatan di sektor pekerjaan selepas tamat sekolah merupakan formula empirikal ke arah pencapaian matlamat selepas sekolah (Benz et al. 2000; Fabian 2007). Walau bagaimana pun dalam melaksanakan kurikulum, penggunaan bahan, teknik pengajaran, kemudahan dan peralatan khas merupakan suatu tuntutan dalam pendidikan khas bersesuaian dengan keupayaan dan keperluan murid (Hallahan & Kauffman 2009). Kajian yang dijalankan oleh Maslinda et al., (2012) mendapati dalam menyediakan murid-murid berkeperluan khas khususnya MBP ke alam pekerjaan memerlukan perubahan dalam kurikulum vokasional dan penekanan kurikulum khas di alam persekolahan mereka. Guru-guru juga perlu diberi latihan yang sewajarnya supaya mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi untuk mengajar pendidikan vokasional untuk MBP. Zainudin (2008) menyatakan kurikulum MPV Khas perlu melibatkan perancangan untuk mempertingkatkan tahap kemahiran guru melalui skim latihan guru dalam perkhidmatan sebagai langkah bagi meningkatkan keberkesanannya pelaksanaan kurikulum.

Selain itu, projek keusahawanan yang dijalankan di PPKI dapat menyediakan MBP ke arah transisi kerjaya. MBP perlu didedahkan dengan projek keusahawanan supaya mereka tahu kemahiran yang mereka pelajari di sekolah boleh menghasilkan pendapatan. Selain menghasilkan produk, MBP juga diajar bagaimana untuk memasarkan produk tersebut. Dalam hal ini, guru yang mengajar pendidikan vokasional perlulah diberi pendedahan dan latihan yang cukup dalam bidang keusahawanan agar mereka dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan. Hasil kajian selaras dengan cadangan Pihie dan Bagheri (2011) yang berpendapat strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai perlu bagi meningkatkan sikap murid terhadap bidang keusahawanan.

Penerapan pendidikan keusahawanan dalam MPV Khas diharapkan berupaya membantu MBP supaya mereka boleh berdikari dan mampu menyara hidup mereka sendiri sama ada secara makan gaji atau bekerja sendiri. Kajian oleh Asnul Dahir (2012) menyatakan murid yang belajar MPV seharusnya diberi peluang untuk memasarkan produk yang dihasilkan dan kurikulum MPV perlu menggalakkan murid mencebur ke bidang keusahawanan.

Latihan praktikal yang dilaksanakan di luar sekolah dapat memberi peluang kepada MBP untuk merasai sendiri pengalaman sebenar alam pekerjaan, meningkatkan keyakinan diri serta menjalinkan hubungan dengan masyarakat. Kajian ini bertepatan dengan kajian oleh Hall et al. (2000) yang mendapati bahawa dengan adanya sebuah program akan memberi manfaat kepada pendidikan khas dalam meningkatkan pengetahuan mereka mengenai sumber komuniti dan menghubungkan keluarga dengan profesional dalam komuniti bagi tujuan memberi sokongan kepada individu berkeperluan khas. Pembelajaran secara praktikal atau “*hands-on*” membawa maksud bahawa murid dide dahkan dengan aktiviti pembelajaran yang bercorak latihan amali sama ada dijalankan di bengkel di sekolah atau di lapangan sebenar. Hasil kajian adalah selari dengan kajian oleh Farooq et al. (2011) dan Test et al. (2009) yang mendapati bahawa pelaksanaan pendidikan vokasional yang dijalankan secara praktikal dan teori sangat relevan kepada murid bermasalah pendengaran. Walau bagaimana pun, hasil kajian mendapati majikan kurang berminat untuk mengambil MBP bagi menjalani latihan praktikal di tempat mereka disebabkan ketidakupayaan yang mereka miliki. Dalam hal ini, majikan perlu melihat keupayaan individu untuk mendapat dan mengekalkan kerja yang dapat memuaskan hati mereka (Williams-Diehm dan Benz, 2008).

Dalam melaksanakan tansisi kerjaya, sikap MBP merupakan salah satu daripada faktor yang menghalang pelaksanaan transisi kerjaya untuk MBP. Sikap murid yang mudah putus asa, cepat bosan, rasa rendah diri dan sukar bergaul menyebabkan mereka kurang berminat untuk mempelajari kemahiran-kemahiran dalam MPV Khas. Dapatan kajian ini disokong oleh Safani et al. (2000) dan Sarimah et al. (2012) mendapati MBP mempunyai sikap rendah diri, tidak yakin dengan keupayaan mereka, tidak dapat menyesuaikan diri dan sukar berinteraksi dengan orang lain. Menurut Jamiah (2010) sebenarnya MBP ini boleh diajar dan dilatih sekiranya pendekatan yang digunakan bersesuaian dengan keperluan individu mereka. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendekatan yang berkesan dalam menyediakan murid

bermasalah pembelajaran untuk bekerja adalah melalui pendidikan berbentuk kemahiran vokasional (Ramlee & Norani 2007). Tanggapan majikan terhadap golongan OKU juga perlu dikikis supaya mereka memberi hak dan layanan yang sama rata dengan golongan normal.

Seterusnya, lawatan dari pihak luar merupakan salah satu cara untuk menyediakan MBP ke arah transisi kerjaya di PPKI. Hasil kajian mendapati terdapat sekolah yang sering dikunjungi oleh pihak luar seperti murid sekolah, guru, pegawai dari JPN dan KPM, pelajar universiti, NGO dan sebagainya. Tujuan lawatan seperti ini diadakan adalah sebagai penanda aras untuk menunjukkan bahawa sekolah-sekolah terbabit mempunyai keistimewaan yang tersendiri untuk dicontohi oleh pihak-pihak lain dalam melaksanakan transisi kerjaya untuk MBP. Melalui lawatan tersebut dapat memberi peluang kepada MBP untuk menunjukkan kebolehan masing-masing dalam MPV Khas yang telah mereka pelajari di PPKI. Melalui hasil kerja yang ditunjukkan oleh MBP akan membuka mata masyarakat bahawa MBP boleh berjaya sekiranya mereka diberi latihan dan didikan yang sewajarnya. Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Jamiah (2010) yang menyatakan sebenarnya MBP ini boleh diajar dan dilatih sekiranya pendekatan yang digunakan bersesuaian dengan keperluan mereka.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya transisi kerjaya telah dilaksanakan oleh guru-guru terhadap MBP di PPKI melalui MPV Khas, projek keusahawanan, latihan praktikal dan lawatan daripada pihak luar. Melalui transisi kerjaya dalam MPV Khas dapat menyediakan MBP dengan kemahiran-kemahiran yang mereka boleh gunakan untuk mendapat pekerjaan kelak. Selain itu, MBP dapat merasai sendiri pengalaman sebenar di alam pekerjaan melalui latihan praktikal yang dijalankan di luar sekolah. Hasil kajian mendapati bahawa MBP boleh berjaya seperti murid tipikal jika mereka diberi ilmu pengetahuan serta kemahiran yang bersesuaian dengan kebolehan masing-masing. Namun begitu, terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan transisi kerjaya dalam MPV Khas MBP di PPKI iaitu kurikulum MPV Khas, guru kurang pengetahuan dan kemahiran, sikap murid dan sikap majikan. Justeru, pelbagai pihak seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak pentadbir sekolah, guru-guru serta pihak majikan perlu bekerjasama dalam membantu menjayakan pelaksanaan transisi kerjaya dalam MPV Khas MBP di PPKI. Hal ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memantapkan lagi kedudukan pendidikan vokasional dalam sistem Pendidikan di Malaysia selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia (2013-2025) bagi memartabatkan lagi pendidikan vokasional untuk murid-murid berkeperluan khas khususnya untuk murid bermasalah pembelajaran.

### Rujukan

- Ab. Rahman bin Hamdan. (2003). *Satu kajian mengenai program transisi bagi pelajar berkeperluan khas*. Tesis sarjana muda. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Benz, M.R., Lindstrom, L., & Yovanoff, P. (2000). Improving graduation and employment outcomes of students with disabilities: Predictive factors and students perspectives. *Exceptional Children*, 66, 509-541.
- Anizam Mohamed Yusof, Manisah Mohd Ali & Amla Mohd Salleh. (2012). Penerapan Kemahiran Kebolehkerjaan dalam kalangan Pelajar Berkeperluan Khas. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, Hotel Puteri Pasific, Johor Bahru.
- Asnul Dahir bin Minhat. (2012). *Pembinaan indikator dan model pengukuran kelestarian mata pelajaran vokasional (MPV) sekolah menengah harian*. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fabian, E.S. (2007). Urban youth with disabilities: Factors affecting transition employment. *Rehabilitation Counselling Bulletin* 50:130-138.
- Farooq G., Ajmal M., Nafess M. (2011). Evaluation of Curriculum of Vocational Subjects for Hearing Impaired Children. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* (3) 5.
- Hall, M., Kleinert, H.L. & Kearns, F.J. (2000). Going to college! Post secondary programs or students with moderate and severe disabilities. *Teaching Exceptional Children* 32(3): 58-65.
- Hallahan, D.P., Kauffman, J.M., & Pullen, P.C. (2009). *Exceptional Learners: An Introduction to special education*. Boston, MA: Pearson/Allyn & Bacon.
- Individuals with disabilities education improvement Act (IDEA) of 2004, Pub. L. No. 108-466, 118 Stat.2647.
- Jamiah Tulisman. (2010). *Penglibatan guru pendidikan khas terhadap pelajar bermasalah pembelajaran lepasan sekolah di daerah melaka tengah*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jones, B.A. & Williams, K.L. (2011). Perceptions of Vocational Training With Elementary Special Education Students: A Case Study. *International Journal of Special Education*. 26(1),125 – 134
- Kementerian Sumber Manusia. (2016). Statistik pekerjaan dan perburuan. Siri 9 Bil. 3/2016.
- Maslinda Daros, Mohd Safarin Nordin & Muhammad Sukri Saud. (2012). Pelajar berkeperluan khas dan bermasalah pembelajaran dari sekolah ke kerjaya. *Journal of Social Science*.5 (1), 42 – 46.
- Mohd. Sofi bin Nasri, Rohana Hamzah, Amirmudin Udin. (2010). Falsafah pendidikan kebangsaan memperkasakan peranan pendidikan teknik vokasional dan pendidikan khas. <http://eprints.utm.my/14948/1>.
- Noraini Abdullah, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Abang Adam Abang Deli. (2015). Education as a Career Pathway for Students with Learning Disabilities: Issues and Obstacles in the Implementation. *International Journal of Education and Social Science*. 2 (3). 98 - 104.
- Noraini Zainal Abidin. (2009). *What do we mean by transition at secondary school for students with special educational needs: A Case Study in the Federal Territory, Kuala Lumpur, Malaysia*. Thesis Phd. University of Warwick, Institute of Education.
- Ofoegbu, N.E. & Azarsma, R. (2010). Impact Of The Special Education Vocational Education Program (VEP) On Student Career Success. *International Journal of Special Education*. 25(2), 34 – 46.
- Paul, S. M. (2011). Outcomes of Students With Disabilities in A Developing Country: Tobago. *International Journal of Special Education*. 26(3), 194 – 211.
- Pihie, Z.A.L & Bagheri, A. (2010). Entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy of technical secondary school students. *Journal of Vocational and Training* 62(3):351-366.
- Polloway, E.A. Patton, J.R. & Serna, L. 2001. *Strategies for teaching learners with special needs*. Ed. Ke-7. New Jersey; Merill Prentice Hall.
- Ramlee Mustapha & Norani Mohd Salleh. (2007). Self-Fulfilling prophecy and digital devise revisited: vocational and IT competencies of special needs population in Malaysia. *Jurnal Kerja Sosial* 6(1), 33-65.

- Ramlee Mustapha. (2004). It and Multimedia Literacy in Technical and Vocational Education in Malaysia. *International Journal of Digital Contents* 2(1): 113-115.
- Ramlee Mustapha. (2000). Diverse learners in vocational and technology education: Strategies for success. Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan Strategi Pengajaran, 271-280.
- Safani Safani Bari, Salleh Ahmad & Mohd Arief Ismail. (2000). Halangan dan Masalah yang Dihadapi oleh Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas Dalam Latihan Kemahiran Teknik dan Vokasional. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan Strategi Pengajaran*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarimah, Norshahril dan Rohana. (2012). Halangan orang upaya (pendengaran) di Malaysia mendapat pekerjaan. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Suhaila Samian & Yahya Buntat. (2012). Self-Employment: Perception among deaf students in Malaysia higher education through workplace experience. 3rd International Conference on Business and Economic Research (3rd Icber 2012) Proceeding. 12-13 March 2012. Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia.
- Test, D. W., Mazzotti, V. L., Mustian, A.L., Fowler, C.H., Kortering, L.J., & Kohler, P.H. (2009). Evidence-based secondary transition predictors for improving post-school outcomes for students with disabilities. *Career Development for Exceptional Individuals*. 32, 160-181.
- Warta Kerajaan Persekutuan. (2013). Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. Jabatan Peguam Negara.
- William-Diehm, K. L. & Lynch, P. S. (2007). Student Knowledge and Perceptions of Individual Transition Planning and Its Process. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 29(3), 13 – 21.
- Zainudin Mohd Isa, Norani Salleh. & Ramlee Mustapha. (2009). Kurikulum Pendidikan Vokasional Murid Bermasalah Pembelajaran (Mp). *Diges Pendidik* 9(2): 89-99.
- Zainudin Mohd Isa. (2008). *Analisis keperluan kurikulum pendidikan vokasional pelajar bermasalah pembelajaran peringkat menengah di Malaysia*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.